

## **MENGAMBIL PELUANG DENGAN KEADAAN MALAYA YANG BERCOMPUR KAUM**

### **PILIHANRAYA DIAKUI TETAPI KEMERDEKAAN DIKATAKAN MERBAHAYA**

Soal perkauman masih dijadikan alasan sebagai perkara yang menghalang kemerdekaan Malaya yang segera. Jeneral Templer telah menyebut perkara ini dan telah memberi amaran kepada kerajaan British di London di dalam bulan Mei yang lalu supaya jangan memerdekaan Malaya dengan segera atau selagi Malaya tidak mempunyai sebuah kerajaan yang kuat. Kerana akan menjadi suatu malapetaka kepada Malaya bahkan kepada seluruh Asia Tenggara, sekiranya kuasa diberi dengan segera dan segala kemajuan yang didapati sekarang akan hancur lebur dan kesusahan akan terbit dari peristiwa perkauman, katanya.

(oleh Abham)

Jeneral Templer telah membesar-besarkan masalah perkauman itu, sebagaimana Lyttelton juga sedikit masa dahulu telah membesar-besarkannya dan membayangkan keburukan akibat perkauman itu jika Malaya diberi kemerdekaan kelak. Kenyataan Templer dan Lyttelton itu adalah serupa sahaja nampaknya bagi melengahkan kemerdekaan dan melanjutkan kedudukan British di negeri ini.

Nampaknya bila disebut pasal merdeka adalah sahaja dibangkitkan masalah perkauman seolah-olah perkauman itu ialah suatu senjata yang tajam untuk memotong cita-cita kemerdekaan. Perkauman dibangkit-bangkitkan dan dengan membangkitkan itu perkara itu menjadi heboh , heboh pada tempik sorak sahaja tetapi tidaklah berlaku dengan sebenar. Yang sayogia diperhatikan ialah masalah perkauman itu, pernah terbit dari orang-orang seperti Lyttelton, Templer dan Dato' Sir Onn. Faham sahajalah. Nampaknya, telah menjadi suatu keuntungan dan kesukaan bagi kerajaan British yang keadaan Malaya bercampur-campur kaum.

Di sini dibuka dan di sana ditutup

Sementara itu Pengurus Malis Mesyuarat Undangan Persekutuan Sir Donald MacGillivray telah mengisyiharkan

di dalam majlis mesyuarat tersebut pada 6 Mei yang lalu iaitu pilihanraya bagi majlis mesyuarat undangan persekutuan akan diadakan tidak lama lagi. Hal ini adalah suatu tanda gerakan yang cepat menuju kepada kemerdekaan. Kebetulannya pilihanraya persekutuan itulah yang dituntut oleh rakyat Melayu khasnya dan Malaya amnya menerusi UMNO dan disokong oleh M.C.A., kerana itulah langkah yang terutama dan yang segera bagi mencapai kemerdekaan telah diketahui bahawa UMNO-M.C.A. sedang berkehendakkan supaya pilihanraya persekutuan itu diadakan di dalam tahun 1954. Perisytiharan kerajaan berkenaan dengan pilihanraya itu, sungguhpun tidak menentukan masanya, bagaimanapun perisytiharan itu adalah dipegang oleh rakyat sebagai tak dapat tidak akan diadakan.

Jika difikirkan kepada langkah mempersetujui pilihanraya itu, bolehlah difaham bahawa langkah kepada menyegerakan kemerdekaan itu telah diambil. Rakyat yang berkehendakkan kepada pilihanraya itu, telah menyebut perisytiharan kerajaan itu dengan gembira dan penuh harapan. Setengah-setengah pihak telah memandang kerajaan sedang mengikut kehendak masa dan keadaan sekarang.

Di dalam keadaan yang demikian, adalah kenyataan Jeneral Templer yang melarang kerajaan British supaya jangan memberi taraf berkerajaan sendiri kepada Malaya dengan segera itu, sangatlah melawan dengan kehendak ini. Pilihan raya

disetujui tetapi kemerdekaan dikatakan merbahaya. Apakah erti ini? Nampaknya seolah-olah ada suatu permainan silap mata sedang bermain. Mengadakan pilihanraya itu adalah menyedapkan hati rakyat tetapi menahan kemerdekaan itu seperti membuka di sini menutup di sana serupa sebagai menutup juga dan dengan demikian kehendak rakyat tidak akan sampai ke mana.

### Kongres Rakyat

Sebagaimana difaham adalah suatu kongres rakyat anjuran UMNO-M.C.A. serta Pan Malayan Labour Party akan diadakan dalam bulan Julai 1953 ini. Adalah difahamkan bahawa perkara yang besar sekali di antara berbagai-bagi perkara yang akan diperbincangkan di dalam kongres rakyat itu ialah berkenaan dengan mendirikan sebuah kerajaan Malaya merdeka. Di dalam persidangan itu semua pertubuhan yang berdasar politik akan dijemput dengan tidak mengira akan bangsa dan agama tetapi yang menumpukan taat setia yang tiada berbelah-bagi kepada negeri ini dan

Raja-raja Melayu.

Sebagaimana yang difaham adalah kongres itu akan mengambil suatu langkah yang luar biasa iaitu hendak mengadakan perikatan antara badan-badan politik dengan tidak menghapuskan sifat-sifat diri masing-masing. Dengan demikian bererti pertubuhan-pertubuhan politik itu tetap sebagai pertubuhan bangsa atau kaum masing-masing, sebagai UMNO tetap UMNO M.C.A. tetap M.C.A. Labour tetap Labour dan lain-lainnya serupa juga. Dengan adanya demikian pertubuhan Melayu itu masih tetap Melayu juga dan pertubuhan Cina masih tetap Cina juga dan pendeknya dengan adanya perikatan atau pertubuhan kongres rakyat itu bangsa Melayu tetap Melayu juga. Tetapi adanya pertubuhan itu berdiri sebagai satu untuk semua dan semua untuk satu.

Kongres rakyat ini, adalah badan yang boleh dipandang

mewakili rakyat. Kerana selain dari kongres ini membuka pintu kepada semua badan politik yang taat setia kepada negeri ini, adalah ia bertulang belakang kepada tiga pertubuhan yang kuat dan yang mewakili sebahagian besar dari rakyat negeri itu iaitu UMNO-M.C.A. dan Labour Party. Dengan adanya demikian badan itu layak menjadi wakil rakyat kalau lain-lain parti kecil tak campur sekalipun. Pihak yang mewakili rakyat inilah pihak yang berhak menerima kuasa peralihan dan kemerdekaan dan yang layak dibawa berunding oleh pihak British dan bukanlah pihak yang lain yang tiada mewakili rakyat dengan sebenarnya.

Walaupun ada kongres atau seumpamanya yang telah ditanya oleh suatu pihak dari beberapa orang yang berjawatan tinggi tetapi hanya disokong oleh orang-orang yang tiada mewakili mana-mana pihak atau kaum dengan sebenarnya melainkan diri mereka sendiri. Badan yang seumpama ini tidaklah boleh diakui sebagai wakil rakyat dan tidak mustahak dilayan.

Sebaik-baik langkah bagi semua badan politik, kalau sebenarnya semua hendak bersuara untuk rakyat, ialah menyertai gerakan rakyat dengan menyokong kongres rakyat itu dengan demikian bukan sahaja suaranya dapat didengar akan tetapi juga suara rakyat akan menjadi bertambah-tambah kuat lagi.

### Orang-orang Melayu Bersedia

Orang-orang Melayu menurut pendapat saya, sekarang sayogia memandang masa hadapan yang mesti tiba itu, iaitu kemerdekaan Malaya. Hendak mencapai kemerdekaan bukan dengan cakap-cakap atau menyeru-nyeru merdeka sahaja. Hendak merdeka bererti hendaklah berjuang dan berjuang bererti berkordan. Tidak ada merdeka kalau tak ada berjuang dan tidak ada berjuang kalau tidak ada berkordan. Hakikat ini hendaklah disedari dan difaham oleh orang-orang Melayu.

Sekarang, langkah kepada kemerdekaan yang segera sedang terbuka dan yang demikian ialah dengan adanya pilihanraya persekutuan. Orang-orang Melayu hendaklah memandang berat akan pilihanraya itu, kerana baik buruk atau berkuasa

tidaknya orang-orang Melayu di dalam pemerintahan negeri kelak ialah bergantung kepada hasil pilihanraya ini.

Orang-orang Melayu hendaklah mengambil bahagian yang betul-betul di dalam pilihanraya itu. Orang-orang Melayu hendaklah membuang undi pada masa mengundi itu. Janganlah mendaftarkan nama sahaja sebagai pengundi tetapi tidak mengundi. Yang demikian menjadi sesia juga. Begitu juga pada pengundi itu hendaklah mengundi kepada calon yang layak dan boleh menyempurnakan cita-cita rakyat hanya dengan cara demikian juga. Orang-orang Melayu dapat memilih wakilnya sendiri dan wakil-wakil yang akan menghasilkan segala cita-cita bangsa dan cita-cita rakyat amnya.


Orang-orang Melayu hendaklah bekerja keras di dalam pilihan raya ini dan di sinilah suatu percubaan perjuangan yang besar yang terhadap kepada orang-orang Melayu. Perjuangan

ini adalah berkehendak bukan sahaja kepada usaha tenaga bahkan kerjasama dan sefahaman yang sebenar-benar dari orang-orang Melayu. Bersedia lah orang Melayu untuk pilihanraya dan untuk merdeka.

Bagaimanapun, kerajaan British sayogialah berdiri atas hak dan memberi hak kepada yang berhak iaitu dengan mengaku benar pihak yang mewakili rakyat itulah wakil rakyat dan berhak di lain bukan yang lainnya.

Rakyat itu yang hendak merdeka dan kemerdekaan itu hendaklah diserahkan kepada rakyat. Bukan sahaja silap bahkan tidak bermakna menyerahkan kuasa kepada segolongan yang kecil dan tidak mewakili rakyat apatah lagi golongan yang bersifat perkakas semata-mata – janganlah salah raba.

Oleh demikian walau bagaimanapun, Templer, Lyttelton dan Sir Onn memomok-momokkan bahaya perkauman dan bahaya menyerahkan kemerdekaan dengan segera, kerajaan British sendiri hendaklah sedar dan tahu bagaimana kuatnya kehendak kemerdekaan itu dari rakyat dan kerajaan British juga, tiadalah sayogia terpengaruh dengan amaran-amaran tentang bahaya itu.



Sebahagian daripada sahabat-sahabat dan kenalan tuan Hassan bin Ahmad (di tengah-tengah berkain corak hitam belang) tatkala menghantarkannya balik ke Indonesia pada

31 Mei yang lalu. Di kirinya A. Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) dan kanannya Tuan al-Sayyid Hussein bin Ali As-Saggof – gambar Qalam.